

## SIARAN MEDIA

**15 JANUARI 2016**  
**UNTUK SIARAN SEGERA**

### PROGRAM INOVASI SOSIAL MOSTI TINGKATKAN KECEKAPAN KESELAMATAN SIBER DAN MAKLUMAT DALAM KALANGAN USAHAWAN SETEMPAT MENJADI “CYBERPREENEUR”

**KUCHING (15 Januari 2016)** – CyberSecurity Malaysia, pusat pakar teknikal keselamatan siber negara dan juga agensi di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) menganjurkan program latihan peningkatan kecekapan keselamatan siber dan maklumat peringkat Negeri Sarawak bagi melatih usahawan setempat menjadi “Cyberpreneur” atau usahawan online.

Program latihan tersebut dilaksanakan di bawah inisiatif Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) yang dikenali sebagai Program Inovasi Sosial MOSTI (MOSTI Social Innovation Program) yang diperkenalkan bagi membantu Komuniti setempat meningkatkan ekonomi dan kesejahteraan hidup melalui pelaksanaan projek perkhidmatan, peningkatan kemahiran atau hasil inovasi yang boleh dilaksanakan secara mampan.

Majlis perasmian penutup telah disempurnakan oleh YB. Dato' Sri Hj. Fadillah Hj. Yusof, Menteri Kerja Raya yang juga Ahli Parlimen P194 Petra Jaya.

Menurut Dato' Sri Hj. Fadillah, Program Inovasi Sosial MOSTI diperkenalkan tepat pada waktunya dan ia merupakan salah satu cabang inovasi yang boleh membawa kesan secara langsung dan boleh dirasai oleh rakyat, bukan sahaja dapat memberi manfaat kepada masyarakat tetapi juga dapat meningkatkan keupayaan individu untuk bertindak melalui jaringan kerjasama dengan pelbagai pihak.



Securing Our Cyberspace



**CyberSecurity Malaysia**  
(726630-U)

T +603 8992 6888  
F +603 8992 6841  
H 1 300 88 2999

Corporate Office:  
Level 5, Sapura@Mines  
No 7, Jalan Tasik  
The Mines Resort City  
43300 Seri Kembangan  
Selangor Darul Ehsan  
Malaysia.  
[www.cybersecurity.my](http://www.cybersecurity.my)

Seramai 35 usahawan wanita dari Bandaraya Kuching yang merupakan ahli Federation of Women Entrepreneurs Associations Malaysia (FEM) dan juga beberapa wakil penduduk yang terdiri dari komuniti di Petra Jaya telah mengikuti program latihan yang diadakan selama dua (2) hari dengan kerjasama Kolej Komuniti Kuching dan Pusat Khidmat Ahli Parlimen P194 Petra Jaya

“Program latihan ini dirangka khusus bagi memberi latihan kesedaran keselamatan siber, melatih para peserta meningkatkan kecekapan, pengetahuan dan kemahiran mereka dalam membanteras jenayah siber terutamanya aktiviti yang melibatkan perniagaan atas talian”. ujar YABhg. Jeneral Tan Sri Dato’ Seri Panglima Mohd Azumi Mohamed (Bersara), Pengurus Lembaga Pengarah, CyberSecurity Malaysia.

Program latihan ini turut mendedahkan para peserta dengan pelbagai perkhidmatan yang disediakan oleh CyberSecurity Malaysia, antaranya Pusat Bantuan Cyber999 dan juga Malaysia Trustmark.

Melalui Pusat Bantuan Cyber999 orang ramai boleh melaporkan insiden keselamatan siber yang dihadapi mereka manakala Malaysia Trustmark pula membolehkan sesuatu laman sesawang usahawan online dinilai dan diberi pensijilan bagi meningkatkan keyakinan pengguna dalam melakukan transaksi e-Dagang dan seterusnya mengurangkan risiko penipuan atas talian.

~ Tamat ~

---

Untuk maklumat lanjut, sila layari laman sesawang [www.cybersecurity.my](http://www.cybersecurity.my) dan hubungi kami e-mel [info@cybersecurity.my](mailto:info@cybersecurity.my) untuk sebarang pertanyaan lanjut. CyberSecurity Malaysia juga boleh diikuti melalui laman Facebook: [www.facebook.com/CyberSecurityMalaysia](https://www.facebook.com/CyberSecurityMalaysia), Twitter: [www.twitter.com/cybersecuritymy](https://www.twitter.com/cybersecuritymy), Youtube: youtube/cybersecuritymy dan Instagram: Instagram/CyberSecurity\_Malaysia.

*Untuk maklumat lanjut mengenai dokumen ini, sila e-mel: [media@cybersecurity.my](mailto:media@cybersecurity.my) atau hubungi +603-89926888, Mohd Shamil Mohd Yusoff (ext:6978) atau Sandra Isnaji (ext: 6977)*